

Ruj. Kami : ANM.PK.D/600-25/ Jld.2(64)
Tarikh : 29 Disember 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Ybrs Dr. / Tuan / Puan

PEMAKLUMAN BERKENAAN SENARAI AKAUN PUKAL YANG MEMPUNYAI LEBIHAN BAYARAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada SPANM BIL. 5 TAHUN 2023, LAMPIRAN E : GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN BAYARAN PUKAL:

***“2.2.5 Sekiranya terdapat sebarang kesilapan Bil/Invois, PTJ hendaklah merujuk terus kepada Agensi Pukal yang berkenaan untuk tindakan pelarasan melalui bayaran balik (refund). Tuntutan bayaran balik (refund) hendaklah dikemukakan kepada Agensi Pukal melalui Pejabat Perakaunan. Format surat tuntutan bayaran balik (refund) bagi Agensi Pukal selain WPUA adalah seperti di Lampiran E5. Bayaran balik (refund) oleh Agensi Pukal adalah secara EFT kepada Akaun Bank Terimaan Utama Pejabat Perakaunan.*”**

Contoh kesilapan urus niaga oleh Agensi Pukal adalah seperti berikut:

- (1) Bekalan/ Perkhidmatan yang tidak dibekalkan;***
- (2) Akaun yang tidak wujud di PTJ berkenaan; dan***
- (3) Bil/Invois yang terlebih caj (overbilling).”***

3. Oleh yang demikian, diminta pihak PTJ untuk mengisi Templat Excel **“Senarai Akaun Pukal Yang Mempunyai Lebihan Bayaran”** yang disertakan bersama-sama buletin ini. Templat Excel yang telah siap diisi hendaklah die-melkan kembali ke alamat e-mel **pukal_prk@anm.gov.my** selewat-lewatnya pada 31 Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK